

# Tindakan ISA terhadap penghasut

BH 22/7/2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Kerajaan tidak akan teragak-agak mengunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap mereka yang menyebarkan fitnah, menghasut dan mendakwa kononnya peristiwa Sauk satu sandiwara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ini kerana dakwaan kononnya tindakan terhadap kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) sebagai satu lakonan Umno, tentera dan polis itu, boleh mencetuskan keadaan huru-hara yang mengancam keselamatan negara.

“Kita akan mengawasi orang yang berminat menghasut supaya berlaku rusuhan dalam negara dan kita akan menentukan ia tidak berlaku. Kalau (sesiapa) melanggar undang-undang, kita akan ambil tindakan, termasuk mengikut ISA.

“Jika tidak, kita terpaksa membuat penjelasan. Kalau sesiapa sengaja menuduh bahawa polis dan tentera bersandiwara, maka itu adalah satu tuduhan yang salah kerana ia mungkin menyebabkan rakyat kurang yakin kepada tentera sebagai satu tindakan subversif,” katanya selepas memengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, malam ini.

Sekumpulan anggota Al-Ma'unah, yang menyamar sebagai anggota tentera merompak lebih seratus senjata api, bahan letupan dan peluru dari pos tentera Sungai Rui dan kern Batalion 304 Askar Wataniah di Grik pada 2 Julai lalu sebelum berkubu di tempat persembunyian di Bukit Jenalek, Sauk, kira-kira 25 kilometer dari Kuala Kangsar, Perak.

Mereka kemudian menahan empat orang sebagai tebusan dan membunuh dua daripada tebusan itu, sebelum semua 27 anggota kumpulan itu yang bersembunyi di situ menyerah diri kepada pasukan keselamatan pada 6 Julai.

Presiden Umno itu berkata, mesyuarat lebih tiga jam membincangkan secara mendalam apa yang berlaku di Sauk dan hubungkait Al-Ma'unah dengan Pas yang tidak boleh dinafikan lagi.

Ditanya kemungkinan penggunaan ISA itu boleh mencetuskan isu kontroversi terutama di peringkat antarabangsa, Dr Mahathir berkata itu memang diharapkan oleh mereka termasuk media asing, selain pembangkang sendiri.

“Inilah harapan mereka, iaitu orang asing akan mengecam kerajaan ini kerana menggunakan ISA, tetapi ISA adalah satu undang-undang dicipta oleh British dahulu. Kita ambil alih undang-undang ini dan menjadikan undang-undang negara yang sah dan kita berhak menggunakannya dalam keadaan tertentu.

“Saya selalu menjelaskan bahawa ia akan di-

**LIHAT MUKA 2**

# Kerajaan kaji haramkan kumpulan Al-Ma'unah

## DARI MUKA 1 ✓

gunakan ke atas orang yang cuba menjejaskan keselamatan negara dan ini sudah menjadi soal keselamatan. Apabila orang curi senapang, buat rancangan nak menjatuhkan kerajaan dengan cara ganas, maka mereka sudah membuat tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan negara," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan hanya mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan, bukan

semua ahli Pas yang jumlahnya beratus ribu.

Katanya, kerajaan bukan suka menggunakan ISA, tetapi terpaksa berbuat demikian jika sesuatu tindakan ganas boleh menjejaskan keselamatan negara dan rakyat keseluruhannya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan mengkaji kemungkinan mengharamkan kumpulan Al-Ma'unah, tetapi dalam masa sama badan-badan yang terbabit dengan seni silat tidak akan disekat

selagi matlamatnya tidak menjejaskan keselamatan negara.

"Kita akan kaji (mengharamkan Al-Ma'unah).

Kerajaan tidak ambil tindakan tergesa-gesa, kita

tidak buat sesuatu tanpa alasan dan kita terpaksa mengambil masa untuk mendapat maklumat, bukti dan saksi yang cukup.

"Kita akan mengawasi gerakan seperti ini de-

lebih dekat, lebih serius termasuk mereka yang menghasut untuk mengambil tindakan ganas.

"Pada masa yang sama, badan yang cuma terbabit dengan silat kita tak akan

buat apa-apa terhadap mereka reka... mereka boleh te-ruskan tetapi kalau kita dapat maklumat ada cita-cita lain daripada itu, maka kita akan ambil tindakan," katanya.